Perempuan/ Female	-
Sektor OSHA OSHA's Sector	
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan/ Agriculture, Forestry and Fishing	-
Perlombongan dan Pengkuarian/ Mining and Quarrying	-
Pembuatan/ Manufacturing	1.17
Pembinaan/ Construction	15.15
Utiliti/ Utilities	-
Perdagangan Borong dan Runcit/ Wholesale and Retail Trades	-
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	-
<i>Transport, Storage and Communication</i>	
Hotel dan Restoran/ Hotels and Restaurants	-
Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	5.23
<i>Finance, Insurance, Real Estate and Business Services</i>	
Perkhidmatan/ Services	3.53

Sumber: Jabatan keselamatan dan kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Sumber Manusia

Source: Department of Occupational Safety and Health (DOSH)

Social Security Organisation (SOCSO) Ministry of Human Resources

Jadual 49.0 : Bilangan murid pelbagai peringkat dan jenis sekolah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020
Table 49.0 : Number of pupils of various levels and types of schools, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020

	Jumlah Total
Bilangan murid peringkat prasekolah di sekolah kerajaan & bantuan kerajaan <i>Number of pupils at pre-school level in government & government-aided schools</i>	4,213
Bilangan murid peringkat rendah di sekolah kerajaan & bantuan kerajaan <i>Number of pupils at primary level in government & government-aided schools</i>	131,465
Bilangan murid peringkat menengah rendah di sekolah kerajaan & bantuan kerajaan <i>Number of pupils at lower secondary level in government & government-aided schools</i>	84,940
Bilangan murid peringkat menengah atas di sekolah kerajaan & bantuan kerajaan <i>Number of pupils at upper secondary level in government & government-aided schools</i>	1,864
Bilangan murid pendidikan khas di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, Peringkat rendah <i>Number of pupils in special education in government & government-aided schools, Primary level</i>	99
Bilangan murid pendidikan khas di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, Peringkat menengah <i>Number of pupils in special education in government & government-aided schools, Secondary level</i>	122
Bilangan murid tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, Tadika <i>Number of pupils in kindergarten, primary and secondary private school, Private kindergarten</i>	17,112
Bilangan murid tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, Rendah <i>Number of pupils in kindergarten, primary and secondary private school, Private primary school</i>	703
Bilangan murid tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, Menengah <i>Number of pupils in kindergarten, primary and secondary private school, Private secondary school</i>	15,693
Bilangan murid tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, Sekolah Pendidikan Khas <i>Number of pupils in kindergarten, primary and secondary private school, Special Education School</i>	37
Bilangan murid tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, Sekolah Antarabangsa <i>Number of pupils in kindergarten, primary and secondary private school, International School</i>	18,408
Bilangan murid tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, Sekolah Ekspatriat <i>Number of pupils in kindergarten, primary and secondary private school, Expatriate School</i>	647

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Source: Department of Social Welfare

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Source: Ministry of Education Malaysia

Nota/ Note :
Seperti pada 30 Jun
As at 30 June

Jadual 50.0 : Statistik jenayah, W.P. Kuala Lumpur^b
Table 50.0 : Crime statistics, W.P. Kuala Lumpur

	2018	2019	2020
Nisbah jenayah indeks <i>Crime index ratio</i>	615	562	414
Jenayah indeks <i>Crime index</i>	12,127	11,172	8,301
Jumlah jenayah kekerasan <i>Total violent crime</i>	3,137	2,914	1,948
Bunuh <i>Murder</i>	33	22	25
Rogol <i>Raped</i>	112	122	88
Samun^a <i>Robbery</i>	2,472	2,265	1,457
Mencederakan <i>Injury</i>	520	505	378
Jumlah jenayah harta benda <i>Total property crime</i>	8,990	8,258	6,353
Pecah rumah dan curi <i>House break-in and theft</i>	1,104	1,087	949
Kecurian kenderaan <i>Vehicles theft</i>			
Lori/ Van <i>Lorry/ Van</i>	253	254	147
Kereta <i>Motorcar</i>	1,482	1,423	1,000
Motosikal/ Skuter <i>Motorcycle/ Scooter</i>	3,030	2,763	2,200
Curi/Ragut <i>Theft/ Snatch theft</i>	3	2	-
Kecurian lain <i>Other theft</i>	3,118	2,729	2,057

Sumber: Polis Diraja Malaysia
Source: Royal Malaysia Police

Nota/Note :

^a **Termasuk samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tidak bersenjata api, samun bersenjata api dan samun tidak bersenjata api**

Includes gang robbery with firearms, gang robbery without firearms, robbery with firearms and Robbery without firearms

^b **Termasuk W.P. Putrajaya**

Includes W.P. Putrajaya

Jadual 51.0: Peratusan capaian isi rumah terhadap perkhidmatan dan peralatan ICT mengikut strata (%), W.P. Kuala Lumpur

Table 51.0: Percentage of households with access to ICT services and equipment by strata (%), W.P. Kuala Lumpur

Perkhidmatan dan peralatan ICT ICT services and equipment	2017			2018			2019			2020		
	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar bandar Rural	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar bandar Rural	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar bandar Rural	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar bandar Rural
Telefon bimbit Mobile phone	99.5	99.5	n.a.	99.4	99.4	n.a.	99.2	99.2	n.a.	99.5	99.5	n.a.
Internet	89.4	89.4	n.a.	92.6	92.6	n.a.	94.6	94.6	n.a.	98.0	98.0	n.a.
Komputer Computer	84.6	84.6	n.a.	77.1	77.1	n.a.	77.0	77.0	n.a.	94.5	94.5	n.a.
Siaran TV berbayar Pay TV channel	84.8	84.8	n.a.	84.4	84.4	n.a.	89.3	89.3	n.a.	91.4	91.4	n.a.
Televisyen Television	99.4	99.4	n.a.	99.4	99.4	n.a.	99.6	99.6	n.a.	99.9	99.9	n.a.
Radio	98.0	98.0	n.a.	99.2	99.2	n.a.	99.2	99.2	n.a.	99.9	99.9	n.a.
Telefon talian tetap Fixed-line telephone	25.2	25.2	n.a.	36.8	36.8	n.a.	29.7	29.7	n.a.	42.7	42.7	n.a.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Source: Department of Statistics Malaysia

Jadual 52.0 : Pendapatan, Perbelanjaan dan Kemiskinan W.P. Kuala Lumpur, 2019

Table 52.0 : Income, Expenditure and Poverty W.P. Kuala Lumpur, 2019

	Pendapatan <i>Income</i>		Perbelanjaan <i>Expenditure</i>	Kemiskinan <i>Poverty</i>	
	Purata <i>Mean</i>	Penengah <i>Median</i>	Penggunaan isi rumah bulanan purata <i>Mean monthly households consumption</i>	Insiden miskin mutlak <i>Incidence of absolute poverty</i>	Pekali gini <i>Gini coefficient</i>
	(RM)	(RM)	(RM)	(%)	(%)
W.P. KUALA LUMPUR	13,257	10,549	6,913	0.2	0.350

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Source : Department of Statistics Malaysia

Jadual 53.0 : Statistik terpilih Penggunaan Per Kapita item pertanian mengikut daerah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020

Table 53.0 : Selected statistics on Per Capita Consumption of agricultural item by district, Federal Territory of Kuala Lumpur, 2020

Daerah <i>District</i>	ITEM PERTANIAN TERPILIH <i>SELECTED AGRICULTURAL ITEM</i>							
	Durian	Mangga <i>Mango</i>	Nanas <i>Pineapple</i>	Cili* <i>Chilli*</i>	Kobis bulat <i>Round cabbage</i>	Timun <i>Cucumber</i>	Tomato	Sawi <i>Mustard</i>
W.P. Kuala Lumpur	15.0	2.5	6.5	2.3	6.3	2.4	4.1	4.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Source: Department of Statistics Malaysia

Nota/ Note :

*** Tidak termasuk cili padi**
Not included hot chilli

Penggunaan Per Kapita 2020 dikira menggunakan proksi data Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2019, manakala maklumat lain adalah menggunakan data 2020

Per Capita Consumption 2020 is calculated based on proxy of Household Income, Expenditure and Basic Amenities (HIES/BA) Survey 2019 data, while other informations were based on 2020 data

Data adalah merujuk kepada daerah dan tidak tersedia di peringkat DUN

Data refers to district and not available by DUN level

Jadual 54.0 : Hasil Cukai Taksiran dan Kedudukan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, W.P. Kuala Lumpur

Table 54.0 : Revenue of Assessment Tax and Financial Position of Local Authorities, W.P. Kuala Lumpur

W.P. KUALA LUMPUR	Hasil Cukai Taksiran (RM juta) Revenue of Assessment Tax (RM million)			Pendapatan (RM juta) Income (RM million)			Perbelanjaan (RM juta) Expenditure (RM million)		
	2017	2018	2019	2017	2018	2019	2017	2018	2019
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	n.a	1,217.1	1,290.0	3,185.1	3,623.2	3,170.6	2,666.0	2,937.0	2,899.7

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

Source: Local Authority

Nota/ Note :

n.a: Data tidak tersedia

n.a: Data is not available

***SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS (SDG)***

Pengenalan Matlamat Pembangunan Mampaan (SDG)

Agenda Matlamat Pembangunan Mampaan (SDG) 2030 telah dilancarkan pada tahun 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memfokuskan kepada pembangunan bagi mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan untuk semua berdasarkan pengumpulan matlamat sasaran dan indikator global. Malaysia bersama 192 negara anggota PBB yang lain telah menyatakan komitmen masing-masing dalam menyokong dan melaksanakan SDG seterusnya mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan.

Fokus SDG adalah pencapaian pembangunan yang merangkumi lima bidang tumpuan iaitu Kemajuan Masyarakat; Penjagaan bumi; Kemakmuran; Keamanan; dan Kerjasama (*People, Planet, Prosperity, Peace dan Partnership*) yang bertemakan *Leaving No One Behind*. SDG mempunyai 17 matlamat, 169 sasaran dan 247 indikator global. Senarai 17 Matlamat SDG adalah:

- Matlamat 1: Tiada Kemiskinan;
- Matlamat 2: Kelaparan Sifar;
- Matlamat 3: Kesihatan yang Baik dan Kesejahteraan;
- Matlamat 4: Kualiti Pendidikan;
- Matlamat 5: Kesaksamaan Gender;
- Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi;
- Matlamat 7: Tenaga Mampu Milik dan Bersih;
- Matlamat 8: Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi;
- Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur;
- Matlamat 10: Mengurangkan Ketidaksamaan;
- Matlamat 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan;
- Matlamat 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab;
- Matlamat 13: Tindakan Iklim;
- Matlamat 14: Kehidupan di Bawah Air;
- Matlamat 15: Kehidupan di Darat;
- Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh; dan
- Matlamat 17: Kerjasama Demi Matlamat.

DOSM sebagai *focal point* dalam pembangunan Indikator SDG di peringkat nasional telah menerbitkan *The Initial Assessment of the SDG Indicators for Malaysia, 2018* dan tiga laporan Indikator SDG bagi tahun 2018, 2019 dan 2020. Malaysia telah menunjukkan kemajuan dalam ketersediaan indikator iaitu daripada 99 indikator pada tahun 2018 (40.5%) kepada 146 indikator pada tahun 2020 (59.1%). Laporan Indikator SDG 2020 mengandungi 146 indikator dan meliputi 63 indikator di peringkat negeri dan 19 indikator di peringkat daerah pentadbiran berdasarkan perbekalan data daripada 37 Agensi. *National SDG Progress Monitoring System* atau *SDG Dashboard* juga telah dibangunkan pada 2019 sebagai platform komunikasi indikator SDG dengan menggunakan paparan yang interaktif.

Penerbitan *Sustainable Development Goals (SDG) Indicators Malaysia*



The Initial Assessment of the Sustainable Development Goals Indicators for Malaysia, 2018



Sustainable Development Goals (SDG) Indicators Malaysia 2018



Sustainable Development Goals (SDG) Indicators Malaysia 2019



Sustainable Development Goals (SDG) Indicators Malaysia 2020

Matlamat Pembangunan Mampaan (SDG) Malaysia 2020, telah dijangka buat pertama kalinya dengan indikator terpilih peringkat negeri dan daerah pentadbiran. Indikator ini merupakan indikator pelengkap yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampaan. Ini merupakan salah satu inisiatif untuk membantu pengguna terutama kerajaan tempatan dalam memantau pengukuran dan pencapaian SDG di kawasan setempat.

**INDIKATOR PELENGKAP BAGI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG) /
COMPLIMENTARY INDICATORS FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)**

Matlamat Goals	Indikator Pelengkap SDG SDG Complimentary Indicators	Tahun/ Year		
		2018	2019	2020
Matlamat 1 Tiada Kemiskinan Goal 1 No Poverty 	1. Pekali Gini/ Gini Coefficient	0.399 (2016)	0.407	n.a
	2. Insiden kemiskinan/ Incidence of poverty (%)	7.6 (2016)	5.6	n.a
	3. Ketua isi rumah miskin berdaftar dengan sistem eKasih/ Registered head of poor households with eKasih	186,688	178,227	176,072
Matlamat 2 Kelaparan Sifar Goal 2 Zero Hunger 	1. Pengeluaran tanaman sayur-sayuran utama (Metrik Tan)/ Production of main vegetables (Tonnes Metric)	965,479	992,401	1,000,982
	2. Pengeluaran tanaman ladang (Metrik Tan)/ Production of cash crops (Tonnes Metric)	215,087.6	221,310.2	223,506.8
	3. Pengeluaran herba utama (Metrik Tan)/ Production of main herbs (Tonnes Metric)	12,344.5	9,018.6	9,077.1
	4. Pengeluaran rempah ratus (Metrik Tan)/ Production of spices (Tonnes Metric)	55,195.1	51,336.7	52,541.3
	5. Pengeluaran buah-buahan utama (Metrik Tan)/ Production of main fruits (Tonnes Metric)	1,501,876.0	1,525,051.4	1,509,783.1
	6. Pengeluaran tanaman industri (Metrik Tan)/ Production of industrial crops (Tonnes Metric)	589,940.1	755,630.0	716,977.6
Matlamat 3 Kesihatan yang baik dan Kesejahteraan Goal 3 Good Health and Well-Being 	1. Bilangan kelahiran hidup/ Number of live births	501,945	487,957	470,195
	2. Bilangan kematian/ Number of deaths	172,031	173,746	166,507
	3. Sebab-sebab utama kematian (disahkan secara perubatan)/ Main Causes of death (medically certified)	Ischaemic heart disease (18,267)	Ischaemic heart disease (16,325)	n.a
	4. Sebab-sebab utama kematian (tidak disahkan secara perubatan)/ Main causes of death (non-medically certified)	Sakit tua 65 tahun & ke atas Old age 65 years and over (25,549)	Sakit tua 65 tahun & ke atas Old age 65 years and over (30,665)	n.a
	5. Bilangan kemalangan jalan raya/ Number of road accidents	548,598	567,516	418,237
	6. Bilangan kecederaan disebabkan kemalangan jalan raya/ Number of injuries due to road accidents	8,341	8,877	12,602
	7. Bilangan kematian disebabkan kemalangan jalan raya/ Number of deaths due to road accidents	6,284	6,167	4,634
Matlamat 5 Kesaksamaan Gender Goal 5 Gender Equality 	1. Bilangan perkahwinan Orang Islam/ Number of Muslims marriages	150,098	147,847	n.a
	2. Bilangan perceraian Orang Islam/ Number of Muslims divorces	40,269	45,502	n.a
	3. Bilangan perkahwinan Orang bukan Islam/ Number of non-Muslims marriages	56,155	55,974	n.a
	4. Bilangan perceraian Orang bukan Islam/ Number of non-Muslims divorces	10,087	11,471	n.a
Matlamat 6 Air Bersih dan Sanitasi Goal 6 Clean Water and Sanitation 	1. Peratusan isi rumah menerima kemudahan air paip di rumah/ Percentage households received piped water in the house	95.5 (2016)	95.9	n.a

Nota/ Note:

Indikator pelengkap merupakan indikator terpilih yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampaan (SDG)

Complementary indicators are selected indicators that support the Sustainable Development Goals (SDG)

n.a - Data tidak tersedia/ berkenaan

Data is not available/ applicable

**INDIKATOR PELENGKAP BAGI MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAK (SDG) /
COMPLIMENTARY INDICATORS FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)**

Matlamat Goals	Indikator Pelengkap SDG SDG Complimentary Indicators	Data		
		2018	2019	2020
Matlamat 7 Tenaga Mampu Milik dan Bersih Goal 7 <i>Affordable and Clean Energy</i> 	1. Peratusan isi rumah menerima kemudahan bekalan elektrik/ Percentage households received accessible to electricity	99.9 (2016)	100.0	n.a
Matlamat 8 Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi Goal 8 <i>Decent Work and Economic Growth</i> 	1. Tenaga buruh/ Labour force ('000)	15,280.3	15,581.6	15,667.7
	2. Bilangan pertubuhan/ Number of establishments	1,180,844	1,213,868	1,184,008
	• Pertanian/ Agriculture	18,956	21,395	20,666
	• Perlombongan & Pengkuarian/ Mining & Quarrying	3,231	3,970	3,642
	• Pembuatan/ Manufacturing	59,666	61,045	61,217
	• Pembinaan/ Construction • Perkhidmatan/ Services	81,026 1,016,965	87,608 1,038,884	87,249 1,010,271
	3. KDNK (pada harga malar) – RM Juta/ GDP (at constant prices) – RM Million	1,363,766	1,424,310	1,343,880
Matlamat 9 Industri, Inovasi dan Infrastruktur Goal 9 <i>Industry, Innovation and Infrastructure</i> 	1. Panjang jalan/ Road length (KM)	245,667.1	254,438.3	267,045.6
Matlamat 10 Mengurangkan Ketidaksamaan Goal 10 <i>Reduced Inequalities</i> 	1. Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah/ Median of monthly household gross income (RM)	5,228 (2016)	5,873	Anggaran/ Estimated 5,209
	2. Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata/ Mean of monthly household gross income (RM)	6,958 (2016)	7,901	Anggaran/ Estimated 7,089
Matlamat 11 Bandar dan Komuniti yang Mampan Goal 11 <i>Sustainable Cities and Communities</i> 	1. Projek Perumahan Rakyat (PPR) siap dibina/ People's housing project completed	4,034	5,111	2,860
Matlamat 12 Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab Goal 12 <i>Responsible Consumption and Production</i> 	1. Sisa perbandaran yang dirawat/ Municipal waste treated Anggaran purata berat sisa yang dilupuskan setiap hari (Tan metrik/hari) <i>Estimated average weight of waste disposed daily (Metric tonnes/day)</i>	9,995	4,627	5,950
Matlamat 16 Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh Goal 16 <i>Peace, Justice and Strong Institutions</i> 	1. Jenayah kekerasan yang dilaporkan kepada PDRM/ Violent crime reported to PDRM (Bilangan/ Number)	16,902	16,489	13,279
	2. CCTV di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ CCTV in Local Authority area (Bilangan/ Number)	4,300	5,799	5,605

Nota/ Note:

Indikator pelengkap merupakan indikator terpilih yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

Complementary indicators are selected indicators that support the Sustainable Development Goals (SDG)

n.a - Data tidak tersedia/ berkenaan

Data is not available/ applicable

Matlamat Goals	Indikator Pelengkap SDG SDG Complimentary Indicators	Tahun/ Year		
		2018	2019	2020
Matlamat 1 Tiada Kemiskinan Goal 1 No Poverty 	1. Pekali Gini / Gini Coefficient	0.378 (2016)	0.350	n.a
	2. Insiden kemiskinan/ Incidence of poverty (%)	0.8 (2016)	0.2	n.a
	3. Ketua isi rumah miskin berdaftar dengan sistem eKasih/ Registered head of poor households with eKasih	3,117	3,919	2,809
Matlamat 2 Kelaparan Sifar Goal 2 Zero Hunger 	1. Pengeluaran tanaman sayur-sayuran utama (Tan metrik)/ Production of main vegetables (Metric tonnes)	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil
	2. Pengeluaran tanaman ladang (Tan metrik)/ Production of cash crops (Metric tonnes)	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil
	3. Pengeluaran herba utama (Tan metrik)/ Production of main herbs (Metric tonnes)	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil
	4. Pengeluaran rempah ratus (Tan metrik)/ Production of spices (Metric tonnes)	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil
	5. Pengeluaran buah-buahan utama (Tan metrik)/ Production of main fruits (Metric tonnes)	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil
	6. Pengeluaran tanaman industri (Tan metrik)/ Production of industrial crops (Metric tonnes)	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil
Matlamat 3 Kesihatan yang baik dan Kesejahteraan Goal 3 Good Health and Well-Being 	1. Bilangan kelahiran hidup/ Number of live births	24,235	23,800	23,087
	2. Bilangan kematian/ Number of deaths	8,485	8,819	8,318
	3. Sebab-sebab utama kematian (disahkan secara perubatan)/ Main Causes of deaths (medically certified)	Ischaemic heart disease (5,611)	Ischaemic heart disease (5,739)	n.a
	4. Sebab-sebab utama kematian (tidak disahkan secara perubatan)/ Main causes of deaths (non-medically certified)	Sakit tua 65 tahun & ke atas Old age 65 years and over (2,874)	Sakit tua 65 tahun & ke atas Old age 65 years and over (3,080)	n.a
	5. Bilangan kemalangan jalan raya/ Number of road accidents	70,468	71,917	48,796
	6. Bilangan kecederaan disebabkan kemalangan jalan raya/ Number of injuries due to road accidents	442	339	233
	7. Bilangan kematian disebabkan kemalangan jalan raya/ Number of deaths due to road accidents	222	200	156
Matlamat 5 Kesaksamaan Gender Goal 5 Gender Equality 	1. Bilangan perkahwinan Orang Islam/ Number of Muslims marriages	7,283	7,059	n.a
	2. Bilangan perceraian Orang Islam/ Number of Muslims divorces	2,422	2,620	n.a
	3. Bilangan perkahwinan Orang bukan Islam/ Number of Non-Muslims marriages	4,483	4,312	n.a
	4. Bilangan perceraian Orang bukan Islam/ Number of Non-Muslims divorces	1,027	1,177	n.a
Matlamat 6 Air Bersih dan Sanitasi Goal 6 Clean Water and Sanitation 	1. Peratusan isi rumah menerima kemudahan air paip di rumah/ Percentage households received piped water in the house	100.0 (2016)	100.00	n.a

Nota/ Note:

Indikator pelengkap merupakan indikator terpilih yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

Complementary indicators are selected indicators that support the Sustainable Development Goals (SDG)

n.a - Data tidak tersedia/ berkenaan

Data is not available/ applicable

Matlamat Goals	Indikator Pelengkap SDG SDG Complimentary Indicators	Tahun/ Year		
		2018	2019	2020
Matlamat 7 Tenaga Mampu Milik dan Bersih Goal 7 <i>Affordable and Clean Energy</i> 	1. Peratusan isi rumah menerima kemudahan bekalan elektrik/ Percentage households received accessible to electricity	100.0 (2016)	100.0	n.a
Matlamat 8 Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi Goal 8 <i>Decent Work and Economic Growth</i> 	1. Tenaga buruh/ Labour force ('000)	844.9	863.4	910.6
	2. Bilangan pertubuhan/ Number of establishments	181,883	185,746	174,832
	• Pertanian/ Agriculture	804	1,030	960
	• Perlombongan & Pengkuarian/ Mining & Quarrying	714	796	702
	• Pembuatan/ Manufacturing	6,859	3,697	3,682
	• Pembinaan/ Construction	10,703	11,580	11,006
	• Perkhidmatan/ Services	162,803	168,643	158,482
	3. KDNK (pada harga malar) – RM Juta/ GDP (at constant prices) – RM Million	220,359	233,889	216,362
Matlamat 9 Industri, Inovasi dan Infrastruktur Goal 9 <i>Industry, Innovation and Infrastructure</i> 	1. Panjang jalan/ Road length (KM)	24.0	27.0	34.5
Matlamat 10 Mengurangkan Ketidaksamaan Goal 10 <i>Reduced Inequalities</i> 	1. Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah/ Median of monthly household gross income (RM)	9,073 (2016)	10,549	Anggaran/ Estimated 9,093
	2. Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata/ Mean of monthly household gross income (RM)	11,692 (2016)	13,257	Anggaran/ Estimated 11,728
Matlamat 11 Bandar dan Komuniti yang Mampan Goal 11 <i>Sustainable Cities and Communities</i> 	1. Projek Perumahan Rakyat (PPR) siap dibina/ People's housing project completed	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil
Matlamat 12 Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab Goal 12 <i>Responsible Consumption and Production</i> 	1. Sisa perbandaran yang dirawat/ Municipal waste treated Anggaran purata berat sisa yang dilupuskan setiap hari (Tan metrik/hari) Estimated average weight of waste disposed daily (Metric tonnes/day)	Tiada Nil	Tiada Nil	Tiada Nil
Matlamat 16 Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Teguh Goal 16 <i>Peace, Justice and Strong Institutions</i> 	1. Jenayah kekerasan yang dilaporkan kepada PDRM/ Violent crime reported to PDRM (Bilangan/ Number)	3,137	2,891	1,937
	2. CCTV di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan/ CCTV in Local Authority area (Bilangan/ Number)	1,064	1,159	1,159

Nota/ Note:

Indikator pelengkap merupakan indikator terpilih yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

Complementary indicators are selected indicators that support the Sustainable Development Goals (SDG)

n.a - Data tidak tersedia/ berkenaan

Data is not available/ applicable

***HUMAN
DEVELOPMENT
INDEX (HDI)***

Apakah maksud HDI?

Human Development Index (HDI) merupakan ringkasan yang mengukur pencapaian purata dalam komposit utama pembangunan manusia: kehidupan yang sihat dan umur yang panjang, berpengetahuan dan mempunyai taraf hidup yang baik. Human Development Reports telah dikeluarkan oleh United Nations Development Programme (UNDP) dan telah diterbitkan sejak 1990 hingga 2020.

Objektif utama HDI adalah untuk menyediakan indikator yang mudah untuk menilai kemajuan manusia dalam suatu negara berdasarkan kebebasan bagi menjalani kehidupan yang mereka inginkan. HDI menggunakan formula yang ringkas tetapi komprehensif bagi menilai purata jangka hayat, pendidikan dan pendapatan penduduk.

Bagaimana cara mengukur HDI?

Selain menggunakan pertumbuhan dalam GDP sebagai satu-satunya dimensi bagi mengukur suatu pembangunan, HDI telah meletakkan negara di dunia berdasarkan human development di mana negara-negara mempunyai kebebasan dan peluang untuk menjalani kehidupan yang mereka pilih atau sebaliknya. HDI boleh diukur melalui kaedah berikut:

Langkah 1: Pengiraan Dimensi Indeks

$$\text{Dimensi Indeks} = \frac{\text{Nilai sebenar} - \text{nilai minimum}}{\text{Nilai maximum} - \text{Nilai minimum}}$$

Langkah 2: Pengiraan Human Development Index (HDI)

$$\text{Human Development Index (HDI)} = (I_{\text{Kesihatan}} \cdot I_{\text{Pendidikan}} \cdot I_{\text{Pendapatan}})^{1/3}$$

Langkah 3: Pengiraan cut-off point of Human Development Index

Indikator	Nilai
Very high human development	0.800 dan ke atas
High human development	0.700-0.799
Medium human development	0.550-0.699
Low human development	Bawah 0.550

5 Negara Tertinggi

Skor HDI Malaysia pada tahun 2019 adalah 0.810 yang menjadikan negara ini dalam kategori *very high human development* meletakkannya pada kedudukan 62 daripada 189 negara dan wilayah.




Kedudukan HDI Malaysia Berbanding Negara Lain

Skor Indeks HDI Malaysia antara tahun 1990 dan 2019 meningkat daripada 0.643 kepada 0.810, dengan peningkatan sebanyak 26.0 peratus, manakala skor indeks meningkat 0.62 peratus daripada 0.805 kepada 0.810 pada 2019 berbanding 2018.



Pembandingan skor HDI di negara ASEAN, Singapura mencatatkan nilai HDI tertinggi diikuti oleh Malaysia dan Thailand dengan nilai skor



Sumber: Human Development Reports 2020



MAKLUMAT UMUM

**DASAR UTAMA
NEGARA**

20



WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA (WKB) 2030 SHARED PROSPERITY VISION (SPV) 2030

3 OBJEKTIF / OBJECTIVES

1. **Pembangunan Untuk Semua.**
Development for All
2. **Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan**
Addressing Wealth and Income Disparities
3. **Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah**
United, Prosperous and Dignified

15 PRINSIP PANDUAN/ GUIDING PRINCIPLES

Pembangunan Untuk Semua

Development for All

- **Kemakmuran Berterusan/ Continuous Prosperity**
- **Kesaksamaan Keberhasilan/ Equitable Income**
- **Pertumbuhan Saksama/ Equitable Growth**
- **Ekonomi Teragih/ Distributed Economy**
- **Keterangkuman/ Inclusivity**

Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan

Addressing Wealth and Income Disparities

- **Masyarakat Peribelajar/ Learning Society**
- **Ekonomi Masa Hadapan/ Future Economy**
- **Pendekatan Ekonomi Keperluan/ Need-Based Approach Economy**
- **Ekonomi Politik Berinstitusi/ Institutional Political-Economy**
- **Model Kesepaduan Sosial/ Integrated Social Model**

Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah

United, Prosperous and Dignified

- **Paksi Ekonomi Asia/ Economic Centre of Asia**
- **Demokrasi dan Kestabilan/ Democracy and Stability**
- **Integriti & Tadbir Urus yang Baik/ Integrity and Good Governance**
- **Perpaduan dalam Kepelbagaian/ Unity in Diversity**
- **Kedaulatan dan Kelestarian/ Sovereignty and Sustainability**

7 TERAS STRATEGIK/ STRATEGIC THRUST

TERAS STRATEGIK 1

STRATEGIC THRUST 1

TERAS STRATEGIK 2

STRATEGIC THRUST 2

TERAS STRATEGIK 3

STRATEGIC THRUST 3

TERAS STRATEGIK 4

STRATEGIC THRUST 4

TERAS STRATEGIK 5

STRATEGIC THRUST 5

TERAS STRATEGIK 6

STRATEGIC THRUST 6

TERAS STRATEGIK 7

STRATEGIC THRUST 7

EKOSISTEM PERNIAGAAN DAN INDUSTRI

BUSINESS AND INDUSTRY ECOSYSTEM

AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA

KEY ECONOMIC GROWTH ACTIVITIES

MODAL INSAN

HUMAN CAPITAL

PASARAN BURUH & PAMPASAN PEKERJA

LABOUR MARKET AND COMPENSATION OF EMPLOYEE

KESEJAHTERAAN SOSIAL

SOCIAL WELLBEING

KETERANGKUMAN WILAYAH

REGIONAL INCLUSION

MODAL SOSIAL

SOCIAL CAPITAL



RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKE-12) *Twelfth Malaysia Plan (Twelfth Plan)*

3 **TEMA/ THEMES**

1. **Menjana Semula Ekonomi.**
Resetting the Economy
2. **Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti**
Strengthening Security, Wellbeing and Inclusivity
3. **Melonjakkan Kemampanan**
Advancing Sustainability

4 **PEMANGKIN DASAR RMKE-12**

POLICY ENABLERS OF THE TWELFTH PLAN

1. **Membangunkan Bakat Masa hadapan**
Developing Future Talent
2. **Mempercepat Penerimaan Teknologi dan Inovasi**
Accelerating Technology Adoption and Innovation
3. **Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan**
Enhancing Connectivity & Transport Infrastructure
4. **Memperkukuh Perkhidmatan Awam**
Strengthening the Public Service



14 PEMACU PERUBAHAN/ GAME CHANGERS

- 1 **Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi**
Imperatives for Reform and Transformation
- 2 **Memangkinakan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi**
Catalysing Strategic and High Impact Industries to Boost Economic Growth
- 3 **Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai Pemacu Baharu Pertumbuhan**
Transforming Micro, Small and Medium Enterprises as the New Driver of Growth
- 4 **Memantapkan Keselamatan dan Perpaduan Negara untuk Pembinaan Negara Bangsa**
Enhancing National Security and Unity for Nation-Building
- 5 **Memperkuhkan Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif**
Revitalising the Healthcare System in Ensuring a Healthy and Productive Nation
- 6 **Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar**
Transforming the Approach in Eradicating Hardcore Poverty
- 7 **Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan**
Multiplying Growth of Less Developed States especially Sabah and Sarawak to Reduce Development Gap
- 8 **Menerima Guna Ekonomi Kitaran**
Embracing the Circular Economy
- 9 **Mempergiat Penerimaan Penggunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu**
Accelerating Adoption of Integrated Water Resources Management
- 10 **Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan**
Improving TVET Ecosystem to Produce Future-Ready Talent
- 11 **Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif**
Enhancing Digital Connectivity for Inclusive Development
- 12 **Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi**
Aligning Research and Development towards Commercialisation, Wealth Generation and Economic Growth
- 13 **Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan**
Transforming the Logistics Ecosystem for Greater Efficiency
- 14 **Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan**
Transforming the Public Service through the Whole-of-Government Approach



INDUSTRY4WRD: DASAR NEGARA MENGENAI INDUSTRI 4.0

Industry4WRD: National Policy on Industry 4.0

3 OBJEKTIF/ OBJECTIVES

Objektif Dasar Industry4WRD dirangka berpandukan tiga asas utama iaitu:

The objectives of the Industry4WRD Policy are formulated based on three main foundations which are:

Attract (A)

Menarik pihak-pihak berkepentingan (stakeholders) untuk beralih kepada aplikasi dan teknologi Industri 4.0 serta meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai sebuah lokasi pilihan bagi pembuatan pintar.

Attract stakeholders to shift towards the Industry 4.0 applications and technologies thereby enhancing Malaysia's attraction as one of the preferred locations for smart manufacturing.

Create (C)

Mewujudkan sebuah ekosistem yang menyeluruh bagi menyokong industri menggunakan Industri 4.0 dan menyelaraskan inisiatif sedia ada dalam pelbagai aspek berkaitan seperti bakat dan tenaga kerja, pembiayaan, infrastruktur dan kawal selia.

Create a holistic ecosystem to support the adoption of Industry 4.0 by industries and coordinate existing initiatives in various related aspects such as talent and workforce, funding, infrastructure and regulation.

Transform (T)

Tranformasi sektor pembuatan secara menyeluruh untuk meningkatkan dan memperkukuh produktiviti, kecekapan kos, aplikasi teknologi dan keupayaan inovasi, pembangunan teknologi tempatan dan pewujudan lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi.

Enable holistic transformation of the manufacturing sector to increase and strengthen productivity, cost efficiency, technology applications and innovation ability, development of local technology and establishment of more highly-skilled workers



5 BIDANG PEMBOLEUBAH YANG DIGUNAKAN (F.I.R.S.T)

FIELDS OF PRIMARY ENABLERS ARE HIGHLIGHTED (F.I.R.S.T):

1. **Pembiayaan dan Insentif berasaskan Hasil - F**
Funding and Outcome-based Incentives – F
2. **Infrastruktur Digital dan Ekosistem - I**
Enabling Ecosystem and Efficient Digital Infrastructure – I
3. **Rangka Kerja Kawal Selia dan Penerimgunaan Industri - R**
Regulatory Framework and Industry Adoption – R
4. **Meningkatkan Kemahiran Sedia Ada dan Menghasilkan Bakat Baru untuk Masa Hadapan - S**
Upskilling Existing and Producing Future Talents – S
5. **Akses kepada Teknologi Pintar dan Piawaian - T**
Access to Smart Technologies and Standards – T

11 MENDAYAKAN TEKNOLOGI/ ENABLING TECHNOLOGIES

- | | |
|---------------------------------------|-----------------------------------|
| 1 Additive Manufacturing | 7 Cloud Computing |
| 2 Artificial Intelligence (AI) | 8 Augmented Reality |
| 3 Big Data Analytics | 9 Internet of Things (IoT) |
| 4 Advanced Materials | 10 Autonomous Robots |
| 5 Cybersecurity | 11 System Integration |
| 6 Simulation | |



MYDIGITAL DAN RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) EKONOMI DIGITAL MALAYSIA MyDIGITAL and Malaysia Digital Economy Blueprint

APAKAH MYDIGITAL? / WHAT IS MYDIGITAL?

MyDIGITAL adalah satu inisiatif yang melambangkan aspirasi Kerajaan mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacuan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital.

MyDIGITAL is a national initiative which symbolises the aspirations of the Government to successfully transform Malaysia into a digitally-driven, high income nation and a regional leader in digital economy.

Bagaimanakah kita mencapai aspirasi MyDIGITAL?

How do we achieve MyDIGITAL?

3 FASA PELAKSANAAN/ IMPLEMENTATION PHASE

Fasa 1/ Phase 1 (2021-2022)	Untuk melonjakkan penerimgunaan bagi pengukuhan asas digital <i>To accelerate adoption towards strengthening the digital foundation</i>
Fasa 2/ Phase 2 (2023-2025)	Fokus beralih kepada memacu transformasi dan inklusiviti digital merentas ekonomi digital <i>The focus shifts to driving digital transformation and inclusion across the digital economy</i>
Fasa 3/ Phase 3 (2026-2030)	Menetapkan hala tuju pertumbuhan ekonomi digital yang tinggi dan mampan dalam beberapa dekad yang akan datang <i>Will chart the pathway for strong, sustainable growth in the decades to come.</i>

6 TERAS UTAMA/ KEY THRUSTS

Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia/ Malaysia Digital Economy Blueprint

- 1 Memacu transformasi digital sektor awam**
Drive digital transformation in the public sector
- 2 Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan**
Boost economic competitiveness through digitalisation
- 3 Membina infrastruktur digital yang menyokong**
Build enabling digital infrastructure
- 4 Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten**
Build agile and competent digital talent
- 5 Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif**
Create an inclusive digital society
- 6 Membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika**
Build trusted, secure and ethical digital environment

**PENGUKUHAN
SISTEM
STATISTIK
NEGARA**



PENGUKUHAN SISTEM STATISTIK NEGARA (PSSN)

Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) diterajui oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang akan bertindak sebagai Agensi Pusat perkhidmatan statistik. Inisiatif PSSN ini telah disokong oleh Kerajaan yang komited untuk sentiasa memperkasa keupayaan negara dalam mengeluarkan statistik yang relevan dengan keperluan pembangunan negara. Inisiatif ini bertepatan masa iaitu sebagai anjakan bagi peningkatan keupayaan dalam membuat keputusan yang berkualiti dan menggalakkan inovasi ke arah sebuah dimensi baharu terhadap Sistem Statistik Malaysia. Pelaksanaan PSSN juga bertujuan mempersiapkan dan mempertingkatkan sistem statistik Malaysia yang sedia ada bagi mengharungi kompleksiti persekitaran dan cabaran yang dinamik pada masa sekarang dan masa hadapan.

Oleh kerana data merupakan aset negara, pengurusan data perlu dilaksanakan dengan baik agar dapat memberi pulangan yang besar kepada negara dalam bentuk maklumat yang boleh memberi garis pandu ke arah pencapaian matlamat dasar dan wawasan negara. Oleh yang demikian, selaras dengan jangkaan keberhasilan PSSN, negara akan merasai impak keberhasilan yang tinggi ke atas sistem penyampaian statistik negara yang akan dicapai dengan penggembelengan semua entiti berkaitan di bawah Sistem Statistik Malaysia.

ISU DAN CABARAN

Berdasarkan keadaan semasa, pendigitalan telah berlaku dengan pantas dan meluas melangkaui jangkaan. Ekonomi Digital, *Internet of Things* (IoT) dan Revolusi Perindustrian (IR) 4.0 merupakan isu dan cabaran besar kepada sistem statistik sedia ada. Perubahan keperluan zaman ini menuntut maklumat diujung jari dan merupakan cabaran getir kepada negara disamping menguji kemampuan dan kesiapsiagaan Sistem Statistik Negara (SSN) untuk berhadapan dengan krisis luar jangka. Kepelbagaian isu dan cabaran yang sedang dan bakal dihadapi negara jauh lebih kompleks berbanding dekad lalu meliputi aspek ekonomi, sosial, alam sekitar dan modal insan. Ia menuntut kecekapan dalam aspek pembuatan dasar negara, pemantauan dan penilaian ke atas dasar yang telah dibentuk bagi membolehkan dasar yang dibentuk dapat dirasai oleh semua peringkat masyarakat. Antara cabaran yang dikenalpasti adalah seperti berikut:



Ekonomi

- Meningkatkan daya tahan ekonomi Malaysia
- Meningkatkan Produktiviti PMKS
- Meningkatkan sumbangan ekonomi PMKS kepada KDNK
- Peralihan struktur ekonomi bernilai tambah tinggi
- Mengatasi nilai perlaburan yang rendah
- Merapatkan jurang pembangunan antara negeri
- Mengatasi sumbangan pampasan pekerja yang rendah
- Meningkatkan rantai nilai global
- Mencapai taraf ekonomi berpendapatan tinggi
- Mengatasi perangkap ekonomi berpendapatan sederhana
- Meneroka potensi sumber pertumbuhan baru
- Meningkatkan sumbangan ekonomi digital
- Meningkatkan daya saing antarabangsa
- Menyediakan statistik dan maklumat bagi pengurusan dasar kawalan inflasi
- Memantau isu-isu dan mengawal punca-punca kenaikan harga barang dan perkhidmatan

Sosial

- Memantapkan keselamatan dan perpaduan negara untuk pembinaan negara bangsa
- Memperkukuh sistem penjagaan kesihatan bagi memastikan negara yang sihat dan produktif
- Mentransformasikan pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar
- Meningkatkan pertahanan, keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan
- Menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif
- Mempertingkatkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah

Alam Sekitar

- Mencapai matlamat negara rendah karbon
- Mencapai matlamat ciri-ciri ekonomi hijau yang rendah karbon, cekap sumber, berdaya tahan dan inklusif
- Memastikan pengurusan bencana yang berkesan
- *Sustainability forest management*



- Pengurangan intensiti gas rumah kaca
- Mempercepatkan matlamat ekonomi kitaran
- Mengurus sumber asli dengan cekap
- Pengurusan sumber mineral
- Pengurusan sumber air

Modal Insan

- Ketidakcekapan pasaran buruh
- Mengembalikan kestabilan pasaran buruh
- Mengurangkan kadar pengangguran
- Mencipta peluang pekerjaan baharu berorientasikan teknologi digital
- Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing
- Membangunkan bakat tersedia masa hadapan
- Ketidaksamaan dalam pampasan pekerja dan penyertaan tenaga buruh

KERANGKA SISTEM STATISTIK NEGARA

Komponen di bawah kerangka SSN sedia ada terdiri daripada Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989), Jabatan Perangkaan Malaysia dan Ketua Perangkawan Malaysia. Namun demikian, dengan persekitaran yang kompleks, dinamik serta ledakan revolusi data telah meningkatkan ekspektasi *stakeholders* dan pengguna kepada perkhidmatan statistik yang lebih moden dan responsif. Kerangka SSN yang baharu yang ditambah baik meliputi semua aspek yang kritikal meliputi tadbir urus, peruntukan perundangan, fungsi dan peranan yang diperlukan seperti berikut:

- **Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN)**
Majlis ini bertindak sebagai badan penasihat tertinggi dalam memberi panduan dan hala tuju bagi mengukuhkan tadbir urus SSN.
- **Peruntukan undang-undang statistik yang diperkukuhkan**
Fungsi dan peranan DOSM akan diperkasakan melalui penggubalan Rang Undang-Undang Statistik 2022 yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan DOSM sebagai sebuah agensi statistik yang setanding dengan agensi statistik kebangsaan di negara maju yang lain.



- **Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai *National Statistical Office (NSO)***
DOSM sebagai NSO dan juga agensi pusat bagi perkhidmatan statistik akan berperanan untuk menyedia, menyusun dan menyebarkan statistik rasmi negara yang digunakan oleh Kerajaan dalam perancangan dan penilaian dasar Kerajaan.
- **Ketua Perangkawan**
Ketua Perangkawan akan bertindak sebagai Koordinator Statistik Nasional yang akan berperanan antaranya sebagai penyelaras program statistik dalam negara, memberi nasihat kepada semua pihak dalam pengumpulan, penyusunan, analisis dan penggunaan statistik dan membangunkan dan menyelaraskan penggunaan standard statistik nasional.
- **Pengeluar Statistik Rasmi**
Terdiri daripada DOSM dan agensi kerajaan lain (kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, lain-lain entiti yang dilantik oleh kerajaan) yang membangun, menerbitkan dan menyebarkan statistik rasmi berdasarkan undang-undang sedia ada.
- **Pengguna Statistik**
Pengguna statistik rasmi merujuk kepada individu, agensi kerajaan lain, ahli akademik, pelajar, komuniti perniagaan, organisasi antarabangsa, masyarakat umum dan pihak berkepentingan yang lain.
- **Koordinator Statistik Negara**
Koordinator Statistik Nasional yang turut merupakan Ketua Perangkawan bertanggungjawab dalam penyelarasan yang lebih berstruktur dan bersifat holistik dalam Sistem Statistik Malaysia.

AGENDA PENGUKUHAN SISTEM STATISTIK NEGARA

Bagi menjayakan inisiatif PSSN, sebanyak tujuh agenda PSSN telah digariskan dan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025, seperti berikut:

- Penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN);



- Pindaan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989);
- DOSM sebagai Agensi Pusat perkhidmatan statistik;
- Pelantikan *Chief Data Officer (CDO)* di Kementerian/ Jabatan/ Agensi (Persekutuan/Negeri);
- Penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara (*National Big Data Analytics Centre*);
- Penubuhan *Change Management Office (CMO)*, PSSN; dan
- Pembangunan kapasiti DOSM.

STRUKTUR MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGARA

Struktur Majlis Statistik dan Data Negara dibentuk yang terdiri daripada Majlis Tertinggi MSDN dan Jawatankuasa Eksekutif MSDN. Sebagai sokongan kepada MSDN di peringkat persekutuan, Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah (MSDNgW) akan ditubuhkan di setiap Negeri dan Wilayah Persekutuan bertujuan memperkasa tadbir urus sistem statistik Negeri dan Daerah sehingga peringkat terkecil seperti kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Struktur MSDN bagi setiap peringkat adalah seperti di **Rajah 1** berikut:

Rajah 1: Struktur Majlis Statistik dan Data Negara



Mesyuarat Tertinggi Majlis Statistik dan Data Negara

Mesyuarat Tertinggi MSDN akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan akan bersidang sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Majlis Tertinggi MSDN mempunyai peranan seperti berikut:

- Menjadi badan penasihat tertinggi dalam memberi panduan dan hala tuju bagi memantapkan tadbir urus sistem statistik Negara;
- Meneliti dan memperakukan dasar serta strategi berkaitan pengukuhan Sistem Statistik Negara oleh Jawatankuasa Eksekutif Majlis; dan
- Memastikan pelaksanaan dasar yang efektif dalam perkongsian data di antara agensi awam dan swasta.

Struktur keanggotaan Majlis Tertinggi MSDN adalah seperti di **Rajah 2** seperti berikut:

Rajah 2: Keanggotaan Mesyuarat Tertinggi MSDN





Jawatankuasa Eksekutif MSDN

Jawatankuasa (JK) Eksekutif ini akan dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Perangkawan Malaysia selaku pengerusi ganti. JK Eksekutif ini akan bersidang sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan dibentuk untuk memacu kolaborasi antara pelbagai kementerian dan agensi serta pihak swasta dalam merealisasikan agenda yang berpandukan halatuju MSDN.

Objektif penubuhan Jawatankuasa Eksekutif MSDN pula adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti dan menentukan keutamaan keperluan pengukuhan sistem statistik negara;
- Menyelaras keperluan teknikal, pungutan dan penyebaran statistik ke arah penghasilan output statistik rasmi berimpak tinggi;
- Mempertimbangkan strategi dan pelan tindakan yang dikemukakan di peringkat kluster termasuk negeri dan daerah;
- Mengawal selia dan memantau pelaksanaan keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi MSDN;
- Mengangkat syor daripada Jawatankuasa Eksekutif mengenai pengukuhan koordinasi sistem statistik rasmi negara; dan
- Mengkomunikasikan kepentingan data dan statistik bagi memastikan keberkesanan penyampaian statistik rasmi negara.



Struktur JK Eksekutif MSDN adalah seperti di **Rajah 3** seperti di bawah:

Rajah 3: Struktur JK Eksekutif MSDN



Nota: i. Kementerian/ Agensi/ Ahli Jemputan lain akan dikategorikan mengikut keperluan.
 ii. Pengerusi Kluster boleh mewujudkan JK Teknikal/ Kerja mengikut keperluan.

JANGKAAN KEBERHASILAN

Sekolah terbahagi kepada dua kategori iaitu sekolah rendah dan menengah, meliputi sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan serta sekolah swasta. Sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meliputi sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Tamil dan Cina), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) serta sekolah khas. Manakala sekolah agensi kerajaan selain KPM merujuk kepada Maktab Rendah Sains MARA (MRSMA) dan sekolah tentera. Selain itu, terdapat sekolah

di bawah seliaan Kerajaan Negeri iaitu sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat.

6.2 Guru

Bilangan guru termasuk guru terlatih dan tidak terlatih serta guru tetap dan sementara. Guru dibahagikan kepada guru sekolah rendah dan menengah.

6.3 Murid

Murid sekolah terbahagi kepada empat peringkat iaitu prasekolah, rendah, menengah dan lepasan menengah. Pelajaran peringkat rendah biasanya bermula pada peringkat umur sekurang-kurangnya tujuh tahun dan mengambil masa selama enam tahun bagi menamatkan pelajaran pada peringkat tersebut. Pada peringkat pelajaran menengah, kumpulan umur adalah 13 hingga 17 tahun. Manakala murid tingkatan enam termasuk dalam peringkat lepasan menengah.

7. KESIHATAN

Hospital Kerajaan

Hospital Kerajaan ialah semua hospital yang dianggotai oleh sekurang kurangnya seorang doktor dan menyediakan wad bagi menempatkan pesakit, memberi rawatan perubatan dan penjagaan yang aktif. Pertubuhan yang hanya memberi rawatan penjagaan tidak diambil kira.

8. KEMISKINAN

8.1 Ketua Isi Rumah

Ketua Isi Rumah (KIR) ditakrifkan sebagai ahli isi rumah yang dipilih dalam kalangan penerima pendapatan utama dan bertanggungjawab terhadap ahli isi rumah lain di sesebuah tempat kediaman. KIR yang dipilih mestilah warganegara Malaysia yang berumur 15 tahun dan ke atas. Walau bagaimanapun, terdapat situasi tertentu yang membenarkan KIR yang dipilih adalah dalam kumpulan 15 tahun dan ke bawah kerana ibu bapa/ penjaga bukan warganegara.

8.2 Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)

Pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan selesa.

8.3 Miskin

Sesebuah isi rumah dikategorikan sebagai Miskin sekiranya pendapatan isi rumah kurang daripada nilai PGK yang diperlukan. Ini bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya.

8.4 Miskin Tegar

Sesebuah isi rumah dikategorikan sebagai Miskin Tegar sekiranya pendapatan isi rumah kurang daripada nilai PGK makanan yang diperlukan.

8.5 Sistem eKasih

Pangkalan Data Kemiskinan Nasional yang diwujudkan di peringkat nasional bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan PGK semasa. Sistem ini mengandungi profil individu, program/ bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehinggalah kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program/ bantuan yang diterima bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program pembasmian kemiskinan.

9. KESELAMATAN AWAM

Maklumat tentang keselamatan awam yang dibentangkan dalam bab ini ialah bilangan ibu pejabat polis daerah, balai polis dan pondok polis serta bilangan balai bomba berdasarkan persempadanan pilihan raya SPR.

Bilangan ibu pejabat polis daerah/ balai polis/ pondok polis mungkin berbeza disebabkan oleh perbezaan persempadanan daerah pentadbiran polis dan persempadanan parlimen dan DUN.

10. INTERNET DAN MEDIA SOSIAL

Pusat Internet Desa (PID)

Pusat Internet Desa (PID) merupakan satu program *telecentre* yang mula beroperasi pada tahun 2003 dan menyediakan perkhidmatan mengakses komputer dan internet terutamanya di kawasan luar bandar. Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar bagi memudahkan capaian maklumat tanpa sempadan dan pada masa yang sama meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi digital.

11. KEMUDAHAN ASAS

Indikator yang disediakan mengikut Parlimen bagi tahun 2019 dianggarkan berdasarkan kepada data Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2019. Ralat piawaian relatif bagi Parlimen tertentu adalah tinggi dan perlu ditafsir dengan berhati-hati.

12. PERTUBUHAN/ SYARIKAT PERNIAGAAN

Industri

Industri dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 berasaskan kepada *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4*. Keterangan kategori industri adalah seperti berikut:

- A Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
- B Perlombongan dan Pengkuarian
- C Pembuatan
- D Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara
- E Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan
- F Pembinaan
- G Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal
- H Pengangkutan dan penyimpanan

I	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman
J	Maklumat dan komunikasi
K	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful
L	Aktiviti hartanah
M	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal
N	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan
O	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti sosial wajib
P	Pendidikan
Q	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial
R	Kesenian, hiburan dan rekreasi
S	Aktiviti perkhidmatan lain
T	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri
U	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

Sektor di jadual 12 merupakan klasifikasi semula industri seperti berikut:

Sektor	MSIC 2008 Versi 1.0
Pertanian	Pertanian, perhutanan dan perikanan
Perlombongan & pengkuarian	Perlombongan dan pengkuarian
Pembuatan	Pembuatan
Pembinaan	Pembinaan
Perkhidmatan	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara; Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan;

Perdagangan borong dan runcit;
 pembaikan kenderaan bermotor
 dan motosikal;
 Pengangkutan dan penyimpanan;
 Penginapan dan aktiviti
 Perkhidmatan makanan dan
 minuman;
 Maklumat dan komunikasi;
 Aktiviti kewangan dan
 insurans/takaful;
 Aktiviti hartanah;
 Aktiviti professional, saintifik dan
 teknikal;
 Aktiviti pentadbiran dan khidmat
 sokongan;
 Pentadbiran awam dan
 pertahanan; aktiviti keselamatan
 sosial wajib;
 Pendidikan;
 Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan
 kerja sosial;
 Kesenian, hiburan dan rekreasi;
 Aktiviti perkhidmatan lain;
 Aktiviti isi rumah sebagai majikan;
 dan
 Aktiviti badan dan pertubuhan luar
 wilayah.

13. PENGGUNAAN PER KAPITA

Penggunaan Per Kapita (PCC) merujuk kepada amaun penggunaan makanan oleh setiap penduduk dalam setahun. PCC diukur dalam kilogram setahun.

Penggunaan Per Kapita (kg/tahun):

$$= \frac{\text{Makanan (tan metrik)}}{\text{Penduduk}} \times 1,000 \text{ kg}$$

14. PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI

Eksport

Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) dianggap sebagai eksport apabila ianya dibawa keluar dari negara.

Import

Sesuatu barang dianggap sebagai import apabila ianya dibawa masuk ke dalam negara, sama ada terus ataupun disimpan di gudang gudang yang dikawal tanpa mengira sama ada barang tersebut adalah untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.

Jumlah Dagangan

Jumlah dagangan adalah jumlah nilai eksport dan import.

Imbangan Dagangan

Imbangan perdagangan ialah perbezaan antara nilai eksport dan import. Apabila eksport melebihi import lebihan direkodkan manakala defisit pula dicatatkan apabila import melebihi eksport.

15. STATISTIK IMBANGAN PEMBAYARAN

Mengukur transaksi ekonomi antarabangsa antara Malaysia dan negara-negara lain selaras dengan metodologi yang ditetapkan dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

15.1 Akaun Semasa

Ia mengukur peruntukan bersih sumber sebenar iaitu barangan, perkhidmatan, pendapatan primer dan sekunder kepada atau daripada seluruh dunia.

15.1.1. Barangan

Transaksi barangan meliputi import dan eksport di mana pertukaran hak milik ekonomi di antara residen dan bukan-residen.

15.1.2. Perkhidmatan

Perkhidmatan adalah hasil daripada aktiviti pengeluaran yang melibatkan perubahan keadaan unit pengeluaran, atau memenuhi pertukaran produk atau aset kewangan. Perkhidmatan meliputi 12 komponen berikut:

- a) Perkhidmatan pembuatan bagi Input fizikal dimiliki pihak lain
- b) Perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan t.t.t.l.
- c) Pengangkutan
- d) Perjalanan
- e) Pembinaan
- f) Perkhidmatan insurans dan pencen
- g) Perkhidmatan kewangan
- h) Caj penggunaan harta intelek t.t.t.l.
- (i) Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat
- (j) Perkhidmatan perniagaan lain
- (k) Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi
- (l) Barangan dan perkhidmatan kerajaan t.t.t.l.

15.1.3. Pendapatan Primer

Pendapatan primer meliputi dua jenis transaksi iaitu pampasan pekerja dan pendapatan pelaburan di antara residen dan bukan residen. Pampasan pekerja merujuk kepada upah, gaji dan faedah lain (dalam bentuk tunai atau barangan) yang diterima oleh pekerja residen yang bekerja di luar negeri atau yang dibayar kepada pekerja bukan residen yang bekerja di Malaysia. Pendapatan pelaburan melibatkan terimaan pendapatan dan Pembayaran ke atas aset dan liabiliti kewangan asing.

15.1.4. Pendapatan Sekunder

Pendapatan sekunder meliputi transaksi ekonomi yang tidak berbalas. Ia merekodkan entri pengimbang yang diperlukan dalam sistem catatan beregu dalam BOP, iaitu apabila sumber (barangan, perkhidmatan dan aset kewangan) dibekalkan tanpa menerima balasan yang mempunyai nilai ekonomi.

15.2 Akaun Modal

Akaun modal terdiri daripada dua komponen iaitu perolehan/pelupusan kasar aset bukan kewangan bukan pengeluaran dan pindahan modal.

15.3 Akaun Kewangan

Akaun kewangan mengukur aset dan liabiliti bersih Malaysia kepada negara lain di dunia. Ia diklasifikasikan mengikut kategori fungsi iaitu pelaburan langsung, pelaburan portfolio, derivatif kewangan, aset rizab dan pelaburan lain.

15.4 Pelaburan Langsung

Pelaburan langsung ialah kategori pelaburan antarabangsa yang mencerminkan objektif entiti residen dalam sesebuah ekonomi memperoleh hak kepentingan jangka panjang di dalam enterpris residen ekonomi lain. Hak kepentingan jangka panjang merujuk kepada wujudnya hubungan jangka panjang di antara pelabur langsung dengan enterpris pelaburan langsung dan mempunyai kuasa dalam pengurusan enterpris tersebut. Pegangan sekurang-kurangnya 10 peratus dalam enterpris ialah sebagai bukti wujudnya hubungan tersebut. Pelaburan langsung meliputi semua transaksi di antara pelabur langsung dengan enterpris pelaburan langsung dalam Hubungan Pelaburan Langsung Asing (FDIR). Instrumen kewangan yang diliputi di bawah pelaburan langsung termasuklah ekuiti, perolehan dilabur semula dan instrumen hutang (seperti pinjaman dan pendahuluan antara syarikat, kredit perdagangan).

15.4.1. Pelaburan Langsung di Luar Negeri

Merujuk kepada semua pelaburan di luar negeri bagi kedua-dua pelabur langsung dan enterpris pelaburan langsung di Malaysia.

15.4.2. Pelaburan Langsung Asing di Malaysia

Merujuk kepada semua pelaburan di Malaysia bagi kedua-dua pelabur langsung dan enterpris pelaburan langsung di luar negeri.

16. KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

KDNK adalah jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Nilai ini merupakan nilai sebelum ditolak nilai peruntukan bagi modal tetap; iaitu jumlah nilai ditambah pada harga pengeluar bagi pengeluar residen ditambah dengan duti import. KDNK ini juga bersamaan dengan perbelanjaan ke atas KDNK (pada harga pembeli) iaitu jumlah bagi semua komponen perbelanjaan akhir ke atas barangan dan perkhidmatan tolak dengan import barangan dan perkhidmatan. KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu Kaedah Pengeluaran, Perbelanjaan dan Pendapatan.

16.1 Kaedah Pengeluaran

KDNK berasaskan Kaedah Pengeluaran boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan nilai penggunaan perantaraan. Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah yang mana ia menunjukkan sumbangan setiap aktiviti ekonomi terhadap keseluruhan KDNK.

16.2 Kaedah Perbelanjaan

KDNK berasaskan Kaedah Perbelanjaan adalah penjumlahan Penggunaan Akhir Swasta, Penggunaan Akhir Kerajaan, Pembentukan Modal Tetap Kasar, Perubahan Inventori dan Barangan Berharga, Eksport barangan dan perkhidmatan dan ditolak dengan Import barangan dan perkhidmatan. Semua komponen ini dikategorikan sebagai 'permintaan akhir' atau 'perbelanjaan akhir'. Kaedah ini mengira nilai barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh pengguna akhir terhadap barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh residen.

16.3 Kaedah Pendapatan

KDNK berasaskan Kaedah Pendapatan ialah hasil jumlah semua pendapatan terakru bagi pengeluaran dalam ekonomi. Justeru itu, kaedah ini membolehkan faktor pendapatan dan pulangan kepada faktor pengeluaran diukur mengikut aktiviti ekonomi. Komponen pendapatan ialah Pampasan Pekerja, Lebihan Kendalian Kasar dan Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import.

16.4 KDNK pada Harga Malar

KDNK pada harga malar adalah nilai KDNK tanpa kesan harga. KDNK pada harga malar ini penting bagi membolehkan perbandingan sebenar perubahan tingkat pengeluaran/ kuantiti barangan dan perkhidmatan yang berlaku dalam aktiviti ekonomi.

16.5 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Definisi PKS yang digunakan dalam penerbitan ini adalah berdasarkan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang memberi fokus kepada dua kriteria iaitu bilangan pekerja sepenuh masa atau hasil jualan tahunan. Sesuatu pertubuhan

diklasifikasikan sebagai PKS jika ia memenuhi salah satu kriteria (Jadual I). Walaubagaimanapun, definisi ini tidak termasuk:

- Entiti tersenarai awam yang berada di papan utama; dan
- Subsidiari bagi:
- Syarikat tersenarai awam yang berada di papan utama;
- Syarikat multinasional (MNCs);
- Syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs);
- Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKDs); dan
- Perusahaan milik Kerajaan Negeri.

Jadual I: Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

SEKTOR	Mikro	Kecil	Sederhana
BILANGAN PEKERJA SEPENUH MASA			
Pembuatan	Kurang daripada 5 orang	5 hingga kurang daripada 75 pekerja	75 hingga tidak melebihi 200 pekerja
Pertanian, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian dan Perkhidmatan	Kurang daripada 5 orang	5 hingga kurang daripada 30 pekerja	30 hingga tidak melebihi 75 pekerja
NILAI JUALAN TAHUNAN			
Pembuatan	Kurang daripada RM300,000	RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta	RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta
Pertanian, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian dan Perkhidmatan	Kurang daripada RM300,000	RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta	RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta

16.6 Eksport PKS

Eksport PKS meliputi tiga sektor utama iaitu Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan.

16.7 Guna Tenaga PKS

Guna tenaga PKS disusun berdasarkan guna tenaga Malaysia mengikut jenis aktiviti ekonomi berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008.

16.8 Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK)

PMTK diukur dengan jumlah nilai perolehan aset tetap, ditolak pelupusan aset tetap oleh residen dalam tempoh perakaunan yang digunakan secara berulang kali dan berterusan dalam proses pengeluaran serta perbelanjaan ke atas perkhidmatan yang menambah nilai kepada aset bukan pengeluaran.

16.9 Penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri

Penyusunan KDNK mengikut negeri di Malaysia merangkumi 13 buah negeri, W.P. Kuala Lumpur (termasuk W.P. Putrajaya) dan W.P. Labuan. Penyusunan ini menyediakan anggaran tahunan pada harga malar 2015 bagi tahun 2017 hingga 2020 mengikut kaedah pengeluaran. Konsep dan kaedah yang digariskan adalah berasaskan 2008 SNA yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

16.10 Skop dan Liputan

Penyusunan KDNK mengguna pakai MSIC 2008 sebagai asas penyusunan. Ini adalah sejajar dengan liputan banci dan penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. MSIC 2008 adalah berasaskan ISIC Rev. 4. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penyusunan ini, aktiviti ekonomi telah diagregatkan mengikut ketersediaan data.

17. AKAUN SATELIT PELANCONGAN

Akaun Satelit Pelancongan adalah satu kaedah statistik untuk mengukur perkembangan industri pelancongan dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar.

Perbelanjaan pelancongan inbound adalah perbelanjaan pelancongan bagi pelawat bukan residen dalam ekonomi rujukan (Malaysia).

Perbelanjaan pelancongan domestik adalah perbelanjaan pelancongan bagi pelawat residen dalam ekonomi rujukan (Malaysia).

Perbelanjaan pelancongan outbound adalah perbelanjaan pelancongan bagi pelawat residen di luar ekonomi rujukan (Malaysia).

Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) merujuk kepada jumlah nilai ditambah kasar bagi semua pertubuhan yang berada di dalam industri pelancongan, tanpa mengira sama ada semua output disediakan kepada pelawat dan juga pengkhususan bagi proses pengeluaran.

Keluaran Dalam Negeri Kasar Pelancongan Langsung (KDNKPL) merujuk kepada jumlah daripada sebahagian nilai ditambah kasar (pada harga asas) yang dijana oleh semua industri bagi memenuhi penggunaan pelancongan internal. Jumlah cukai bersih ke atas produk dan import diambil kira dalam nilai perbelanjaan pada harga pembeli.

18. AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ASTMK) Malaysia adalah penyusunan statistik untuk mengukur prestasi Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) termasuk e-dagang dan sumbangannya kepada ekonomi.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merujuk kepada teknologi dan perkhidmatan yang membolehkan maklumat dicapai, disimpan, diproses, diubah, dimanipulasi dan disebarkan, termasuk penyiaran atau komunikasi melalui suara, gambar dan/atau data melalui pelbagai media penyiaran.

Industri TMK merujuk kepada industri yang menghasilkan produk TMK sebagai aktiviti utama.

Urusniaga e-dagang adalah penjualan atau pembelian barangan atau perkhidmatan yang dijalankan melalui rangkaian pengkomputeran/internet dengan kaedah yang direka untuk tujuan menerima atau membuat pesanan (untuk tujuan pembelian atau jualan). Urusniaga ini berlaku sama ada antara perniagaan, isi rumah, individu, kerajaan dan organisasi-organisasi awam atau swasta lain.

19. PERANGKAAN STOK MODAL

Stok Modal Kasar (SMK) merupakan pelaburan terkumpul ditolak dengan nilai aset terkumpul yang tidak lagi beroperasi (iaitu telah bersara atau dibuang).

Stok Modal Bersih (SMB) merupakan pelaburan terkumpul ditolak dengan nilai aset yang telah bersara dan susut nilai terkumpul bagi aset yang masih beroperasi (SMK ditolak dengan susut nilai terkumpul bagi aset masih beroperasi). Ia juga merupakan nilai bersih semasa bagi menjana perkhidmatan modal di masa depan yang akan diberikan oleh aset terkumpul tersebut.

Stok Modal Produktif (SMP) diperoleh daripada nilai kasar aset bagi aset yang berbeza usianya kerana perbezaan kecekapan aset-aset tersebut.

Penggunaan Modal Tetap (PMT) merupakan aset yang digunakan dalam proses pengeluaran semasa tempoh perakaunan.

20. INDEKS HARGA PENGGUNA

Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi "bakul" tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. "Bakul" ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Indeks Harga dikira mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, indeks bagi negeri Perlis digabungkan dengan Kedah; W.P. Putrajaya dengan Selangor dan W.P. Labuan dengan Sabah memandangkan sumbangan relatif yang kecil bagi negeri-negeri tersebut. Semasa Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah dijalankan, saiz sampel yang mewakili ketiga-tiga negeri ini tidak mencukupi bagi pengiraan indeks negeri.

21. PERTANIAN

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Industri ini dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0.

21.1 Perhutanan dan Pembalakan

Perhutanan dan pembalakan termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan

bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk belum diproses (kayu cerucuk, kayu pulpa dan lain-lain).

21.2 Perikanan dan Akuakultur

Perikanan ialah penangkapan, pemungutan dan pembiakan hidupan laut daripada lautan, pinggir pantai, perairan pendalaman dan kuala atas dasar komersil dan untuk kegunaan sendiri, tetapi bukan untuk bersukan.

Akuakultur ialah proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik dengan menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadinya.

22. PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Perlombongan dan pengkuarian termasuk pengestrakan mineral yang terjadi secara semulajadi seperti pepejal (batu arang dan bijih), cecair (petroleum) atau gas (gas asli). Pengekstrakan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti perlombongan bawah tanah atau dedah, pengoperasian telaga, perlombongan dasar laut dan lain-lain;

a. Perlombongan adalah ditakrif sebagai pengestrakan, pembersihan dan pemanfaatan mineral-mineral semulajadi, berbentuk pepejal seperti arang batu dan bijih, cecair seperti minyak mentah dan berbentuk gas seperti gas asli. Perlombongan termasuk lombong bawah tanah dan lombong permukaan, kuari dan telaga-telaga dan semua kegiatan tambahan untuk pembersihan dan pemanfaatan bijih dan mineral mentah lain seperti pemecahan, penapisan, pembasuhan, pembersihan, penggredan, pengilangan, pengapungan, peleburan, penggentelan, pengkacipan dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi menyediakan bahan-bahan ini untuk membolehkannya dipasarkan. Aktiviti perlombongan juga dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan mineral utama yang dikeluarkan.

b. Pengkuarian merujuk kepada aktiviti pengekstrakan dari lombong atau kuari dan pengorekan mendapan lanar (aluvium), pemecahan batu dan penggunaan garam paya. Produk ini digunakan dengan meluas dalam sektor pembinaan (contoh pasir, batu dan lain-lain), pembuatan bahan mentah (contoh tanah liat, gipsum, kalsium, dan lain-lain). Ia termasuk pengkuarian, pemotongan kasar bongkah batu dan batu bangunan seperti marmar, granit, batu pasir, dan lain-lain, pengkuarian, pemecahan dan pemotongan batu kapur, perlombongan gipsum dan anhidrit, perlombongan kapur dan dolomit, pengekstrakan dan penggorekan pasir industri, pasir untuk pembinaan dan kerikil, memecah dan menghancurkan batu dan kerikil, pengkuarian pasir dan perlombongan tanah liat, refraktori tanah liat dan kaolin. Ia juga termasuk perlombongan mineral kimia dan baja, pengekstrakan tanah gambut, pengekstrakan garam dan lain-lain.

c. Petroleum dan gas asli merujuk kepada pengeluaran petroleum mentah, perlombongan dan pengekstrakan minyak daripada minyak batu syal dan pasir minyak dan pengeluaran gas asli dan perolehan semula cecair hidrokarbon. Ia termasuk keseluruhan aktiviti pengoperasian dan/atau pembangunan kelengkapan lapangan minyak dan gas, termasuklah aktiviti seperti penggerudian, penyiapan dan melengkapkan telaga, operasi pengasingan, pemisahan emulsi, peralatan penyahkelodak dan penyambungan aktiviti lapangan untuk petroleum mentah dan semua aktiviti dalam penyediaan minyak dan gas sehingga ke tempat penghantaran daripada pusat pengeluaran. Ia juga termasuk aktiviti sokongan bagi pengekstrakan petroleum dan gas seperti perkhidmatan lapangan minyak dan gas, yang dibuat berdasarkan kontrak atau yuran, eksplorasi telaga minyak dan gas dan penggerudian ujian dan aktiviti penggerekkan (boring) yang baru diliputi dalam Banci Ekonomi 2016.

23. PEMBUATAN

Pembuatan adalah ditakrifkan sebagai perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan dengan tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit. Sebanyak

259 industri diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen C – Pembuatan, Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi. 1.0.

24. PEMBINAAN

Pembinaan ditakrifkan sebagai pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya. Sebanyak 72 industri diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen F – Pembinaan, Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi 1.0.

25. PERKHIDMATAN

25.1 Perkhidmatan (Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara)

Meliputi semua pertubuhan yang terlibat dengan aktiviti bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara sebagai kegiatan utama. Sebanyak 149 industri diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen D, Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi. 1.0. Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara adalah ditakrifkan sebagai aktiviti pembekalan tenaga elektrik, gas asli, wap, air panas dan seumpamanya melalui satu infrastruktur (rangkaian) tetap bagi talian, saluran utama dan paip di kawasan perindustrian atau bangunan tempat kediaman. Oleh itu, seksyen ini termasuk operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, mengawal dan mengagih tenaga elektrik atau gas.

25.2 Perkhidmatan Bekalan Air dan Pembentungan

Meliputi semua pertubuhan yang terlibat dalam sektor bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan. Sebanyak 18 kod industri di peringkat 5-digit diliputi berdasarkan kategori yang dikelaskan di bawah Seksyen E mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi. 1.0. Takrif yang digunakan adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi

Industri Malaysia (MSIC), 2008 Versi. 1.0 iaitu aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sisa (termasuk pungutan, perawatan dan pelupusan) seperti sisa terjadual, sisa pepejal dan air sisa daripada perindustrian dan isi rumah, termasuk juga pemulihan bahan dan tapak yang tercemar. Hasil sisa daripada proses perawatan boleh dilupus atau menjadi input kepada proses pengeluaran yang lain. Aktiviti yang berkaitan dengan perawatan dan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini.

25.3 Perdagangan Edaran

Perdagangan edaran merangkumi perdagangan borong, perdagangan runcit dan kenderaan bermotor.

25.4 Perdagangan Borong

Perdagangan Borong meliputi tujuh kumpulan seperti di bawah:

- i. Jualan borong berdasarkan kontrak atau yuran;
- ii. Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup;
- iii. Jualan borong makanan, minuman dan tembakau;
- iv. Jual borong barangan isi rumah;
- v. Jualan borong jentera, peralatan dan bekalan;
- vi. Lain-lain pengkhususan jual borong; dan
- vii. Perdagangan borong tanpa pengkhususan.

25.5 Perdagangan Runcit

Perdagangan Runcit meliputi sembilan kumpulan seperti di bawah:

- i. Jualan di kedai bukan pengkhususan;
- ii. Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di kedai pengkhususan
Jualan runcit di kedai khusus yang menjual bahan api kenderaan;
- iii. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual peralatan komunikasi dan Maklumat;
- iv. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual;
- v. Peralatan lain isi rumah;
- vi. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual;
- vii. Barangan kesenian dan rekreasi;
- viii. Jualan runcit di kedai khusus yang menjual barangan lain;

- ix. Jualan runcit di gerai dan pasar; dan
- x. Jualan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar.

25.6 Kenderaan Bermotor

Kenderaan Bermotor meliputi empat kumpulan seperti di bawah:

- i. Jualan kenderaan bermotor;
- ii. Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor;
- iii. Jualan komponen dan aksesori kenderaan bermotor; dan
- iv. Jualan penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen dan aksesori berkaitan.

25.7 Perkhidmatan Pengangkutan & Penyimpanan

Aktiviti perkhidmatan pengangkutan & penyimpanan adalah seperti berikut:

Pengangkutan darat

- i. Kereta api/Transit Aliran Ringan;
- ii. Perkhidmatan bas;
- iii. Perkhidmatan teksi & kereta sewa;
- iv. Pengangkutan muatan jalan raya; dan
- v. Pengangkutan darat lain.

Pengangkutan air

- i. Pengangkutan laut; dan
- ii. Pengangkutan air pendalaman.

Pengangkutan udara

Penggudangan & aktiviti sokongan

- i. Penyimpanan & gudang;
- ii. Pengoperasian terminal;
- iii. Tempat letak kereta;
- iv. Pengoperasian lebuh raya;
- v. Pengoperasian pelabuhan;
- vi. Pengendalian kargo/pemunggahan;
- vii. Agensi perkapalan & penghantaran; dan
- viii. Lain-lain aktiviti sokongan Perkhidmatan.

Perkhidmatan pos & kurier

- i. Perkhidmatan pos & kurier.

25.8 Perkhidmatan Kewangan

Pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam perkhidmatan kewangan yang merangkumi aktiviti utama berikut:

- i. Aktiviti perantaraan kewangan;
- ii. Aktiviti perkhidmatan kewangan lain dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan;
- iii. Aktiviti insurans/takaful, insurans/takaful semula dan tabungan pencen & hemat; dan
- iv. Aktiviti sokongan kepada insurans/takaful dan tabungan pencen.

25.9 Perkhidmatan Hartanah

Pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam perkhidmatan hartanah yang merangkumi aktiviti utama berikut:

- i. Aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan; dan
- ii. Aktiviti hartanah atas dasar bayaran atau kontrak.

25.10 Perkhidmatan Penginapan

Pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam penginapan yang merangkumi aktiviti iaitu Hotel (termasuk hotel resort) & hotel apartmen, Hotel bajet, Chalet, Rumah rehat/rumah tetamu/asrama/*bed & breakfast*/tapak perkhemahan.

25.11 Perkhidmatan Maklumat dan Komunikasi

Pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti utama berikut:

- i. Penerbitan;
- ii. Penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik;
- iii. Pemrograman dan penyiaran;
- iv. Perkhidmatan telekomunikasi;
- v. Pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan; dan
- vi. Perkhidmatan Maklumat.

25.12 Pertubuhan/ Syarikat Perniagaan

Sesebuah pertubuhan ditakrifkan sebagai "satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal'. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri berdasarkan aktiviti utamanya. Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza.

25.13 Nilai Ditambah

Nilai ditambah ialah tambahan kepada nilai komoditi dan perkhidmatan yang disumbangkan oleh sesebuah pertubuhan dan ia diperolehi daripada perbezaan nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.

25.14 Bilangan Pekerja

Bilangan pekerja dalam sesebuah pertubuhan ditakrifkan sebagai jumlah bilangan orang yang diambil bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir bagi tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja termasuk semua pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif, pekerja keluarga tidak bergaji dan pekerja bergaji. Termasuk dalam golongan ini ialah pekerja sambilan yang terdapat di dalam daftar gaji dan pekerja yang mogok, berpiket dan bercuti jangka pendek (cuti sakit, cuti rehat atau cuti kecemasan). Tidak termasuk pekerja yang cuti berpanjangan.

25.15 Nilai Harta Tetap

Harta tetap meliputi semua barang, baru atau terpakai, aset ketara dan aset tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun (seperti tanah, bangunan, jentera dan alat kelengkapan, termasuk kelengkapan pengangkutan). Nilai yang dilaporkan adalah nilai seperti pada penghujung tahun rujukan dan ia mengikut buku akaun unit yang melaporkan. Ia termasuk perolehan baru sepanjang tahun berkenaan tetapi tidak termasuk harta yang dilupuskan pada tahun tersebut. Ianya adalah nilai bersih setelah ditolak susut nilai.

26. ASAS STATISTIK

26.1 Penengah (Median)

Penengah (median) ialah nilai tengah apabila semua data disusun dalam turutan menaik atau menurun.

26.2 Min

Min ialah purata yg diperoleh apabila jumlah data dibahagikan dgn bilangan data.

26.3 Mod

Mod ialah nilai atau item yg berlaku paling kerap.

27. NOTA DAN SIMBOL

Hasil tambah bagi peratusan mungkin tidak sama dengan jumlah yang ditunjukkan disebabkan oleh pembundaran kepada satu titik perpuluhan.

- 0.0 Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus
- Tiada/ kosong
- W.P. Wilayah Persekutuan
- RM Ringgit Malaysia
- n.a Data tidak tersedia/ tidak berkenaan
- * Bilangan pertubuhan/ syarikat perniagaan kurang daripada tiga (3)
- e Anggaran
- p Permulaan

Untuk maklumat lanjut, sila layari portal: <https://www.dosm.gov.my>

**PERTANYAAN BERHUBUNG DENGAN PENERBITAN INI BOLEH JUGA DIBUAT DI PEJABAT
PERANGKAAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:**

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri
Johor, Tingkat 14, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel. : 07-225 3700
Faks : 07-224 9972
E-mel : jppjohor@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah,
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.
Tel. : 04-700 1240
Faks : 04-733 8412
E-mel : jpkedah@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan,
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam,
15514 Kota Bharu, Kelantan.
Tel. : 09-741 9449
Faks : 09-748 2142
E-mel : jpkelantan@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri
Melaka, Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,
75450, Ayer Keroh,
Melaka.
Tel. : 06-252 2725
Faks : 06-252 2711
E-mel : jpmelaka@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri
Sembilan, Tingkat 12, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel. : 06-765 5000
Faks : 06-765 5002
E-mel : jpnsembilan@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri
Pahang, Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel. : 09-516 3931/7
Faks : 09-514 4636
E-mel : jppahang@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau
Pinang,
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
10400 Jalan Anson,
Pulau Pinang.
Tel. : 04-226 6244
Faks : 04-229 9499
E-mel : jppulaupinang@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri
Perak, Tingkat 3, Blok A,
Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.
Tel. : 05-255 4963
Faks : 05-255 1073
E-mel : jpperak@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri
Perlis, Bangunan Perodua Kangar,
No. 2C, Persiaran Jubli Perak
01000 Kangar, Perlis.
Tel. : 04-977 1221
Faks : 04-977 1223/04-976 8950
E-mel : jpperlis@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel. : 03-5515 0200
Faks : 03-5518 0408
E-mel : jpselangor@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri
Terengganu, Tingkat 9, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel. : 09-622 3062
Faks : 09-622 9659
E-mel : admin_jptrg@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah,
Tingkat 1-3, Blok C,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel. : 088-484 602
Faks : 088-484 659
E-mel : jpsabah@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak,
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,
93514 Kuching, Sarawak.
Tel. : 082-240 287
Faks : 082-242 609
E-mel : sarawak@dosm.gov.my

Pengarah,
Jabatan Perangkaan Malaysia
Wilayah Persekutuan,
Tingkat 14 & 15, Wisma FGV,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur. Tel.
: 03-2267 2400
Faks : 03-2274 5075
E-mel : jpwpl@dosm.gov.my

ENQUIRIES ABOUT THIS PUBLICATION CAN ALSO BE MADE AT THE FOLLOWING STATE STATISTICS OFFICES:

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Johor,
14th Floor, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel. : 07-225 3700
Fax : 07-224 9972
Email : jpjohor@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Kedah,
1st Floor, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.
Tel. : 04-700 1240
Fax : 04-733 8412
Email : jpkedah@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Kelantan,
8th Floor, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam,
15514 Kota Bharu, Kelantan.
Tel. : 09-741 9449
Fax : 09-748 2142
Email : jpkelantan@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Melaka,
7th & 8th Floor, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,
75450, Ayer Keroh,
Melaka.
Tel. : 06-252 2725
Fax : 06-252 2711
Email : jpmelaka@stats.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Negeri
Sembilan,
12th Floor, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan.
Tel. : 06-765 5000
Fax : 06-765 5002
Email : jpnsembilan@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Pahang,
7th Floor, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel. : 09-516 3931/7
Fax : 09-514 4636
Email : jppahang@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Pulau Pinang,
6th Floor, Bangunan Persekutuan,
10400 Jalan Anson,
Pulau Pinang.
Tel. : 04-226 6244
Fax : 04-229 9499
Email : jppulaupinang@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Perak,
3rd Floor, Block A,
Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.
Tel. : 05-255 4963
Fax : 05-255 1073
Email : jpperak@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Perlis,
Bangunan Perodua Kangar,
No. 2C, Persiaran Jubli Perak
01000 Kangar, Perlis.
Tel. : 04-977 1221
Fax : 04-977 1223/04-976 8950
Email : jpperlis@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Selangor,
9th Floor, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam,
Selangor. Tel. : 03-
5515 0200
Fax : 03-5518 0408
Email : jpselangor@dosm.gov.my


Director,
Department of Statistics, Malaysia, Terengganu,
9th Floor, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel. : 09-622 3062
Fax : 09-622 9659
Email : admin_jptrg@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Sabah,
Level 1-3, Block C,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Sabah,
Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel. : 088-484 602
Fax : 088-484 659
Email : jpsabah@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics, Malaysia, Sarawak,
7th & 8th Floor, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,
93514 Kuching, Sarawak.
Tel. : 082-240 287
Fax : 082-242 609
Email : sarawak@dosm.gov.my

Director,
Department of Statistics,
Malaysia, Federal Territories,
14th & 15th Floor, Wisma FGV,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel. : 03-2267 2400
Fax : 03-2274 5075
Email : jpwpl@dosm.gov.my

ISBN 978-967-0010-05-2



9 789670 010052

www.dosm.gov.my

